

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 1 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 06



SHIMA (dua dari kanan) menerima surat tawaran PPR daripada Zuraidah (dua dari kiri) sambil disaksikan DJ Dave (kanan).

Shima dapat rumah

Putrajaya: "Blarlah orang nak kata rumah murah, janji saya ada tempat untuk berteduh daripada hujan dan panas."

Demikian kata penyanyi Shima pada majlis penyerahan surat tawaran Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Selangor yang disampaikan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraidah Kamaruddin.

Penyanyi lagu Teringin itu gembira permintaannya ditunangkan dalam masa yang pantas.

"Kunci boleh diambil pada bila-bila masa, tetapi saya difahamkan perlu bayar deposit untuk masuk," katanya.

Shima atau nama sebe-

narnya, Ku Nazhatul Shima Ku Kamarazzaman, 50, berterima kasih kepada Pengerusi Yayasan Kebajikan Artis Tanahair (YKAT), Datuk DJ Dave yang membawa masalahnya kepada pihak KPKT.

"Bukan senang nak dapat rumah ini kerana ada yang kena tunggu bertahun-tahun. Sebelum ini, saya perlu bayar RM600 sebulan untuk sewa rumah di Damansara Damai dan bil lain.

"Selepas ini saya hanya perlu bayar RM255 sebulan, sekali gus mengurangkan beban kewangan," katanya.

Penyanyi yang mendapat status asnaf daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) Julai lalu yakin dapat menjelaskan bayaran yang ditetapkan.

"Terima kasih kepada KPKT yang prihatin dengan keadaan kesihatan saya apabila menempatkan saya di tingkat satu," katanya.

Sementara itu, Zuraidah berkata, pihaknya prihatin terhadap kebajikan golongan berpendapatan rendah tanpa mengira latar belakang termasuk golongan artis.

"Saya menerima 122 nama daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) untuk diberikan bantuan rumah PPR.

"KPKT meneliti setiap nama yang diserahkan dan mendapati 19 daripada mereka tidak dapat diluluskan kerana sudah ada rumah," katanya.